

PERLAKSANAAN PEINTEGRASIAN ILMU SAINS DAN AL QURAN DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MAHAD TAHFIZ SAINS NEGERI SELANGOR

Zetty Nurzuliana Rashed
Ab. Halim Tamuri
Siti Suhaila Ihwani
zetty@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Sistem pendidikan yang menggabungkan sains sosial atau sains kemasyarakatan, sains tabii atau sains natural serta sains ketuhanan adalah perlu diterapkan dalam kurikulum bermula peringkat rendah lagi dalam usaha memantapkan lagi masyarakat yang memartabatkan ilmu dan tamadun yang berteraskan Islam. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pengintegrasian ilmu sains dan al Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Aritkel ini memfokuskan aspek kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menggunakan temubual pensampelan bertujuan yang terdiri daripada empat orang guru Pendidikan Islam (GPI). Dapatan kajian ini diambil dari temubual secara mendalam bersama GPI. Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa kaedah konvensional dan kaedah yang bersifat inovasi digunakan oleh guru-guru dalam menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini jelas menunjukkan guru-guru dapat mengintegrasikan ilmu dengan baik dan mempunyai kreativiti dalam menyampaikan isi pelajaran dengan berkesan.

Kata kunci: *integrasi, tahfiz sains, pendidikan Islam, pengajaran dan pembelajaran*

1.0 PENDAHULUAN

Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Pengajaran merupakan proses yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Dari segi fungsi, pengajaran adalah menghasilkan pembelajaran yang efektif, insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Oleh itu satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah mengajar dengan objektif pembelajaran murid dan gaya pembelajaran mereka (Esah Sulaiman 2004; Shahabuddin Hashim et al. 2003).

Keberkesanan pengajaran pendidikan Islam juga merangkumi beberapa perkara iaitu motivasi, keperluan dan minat pelajar, memastikan tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan murid, mengetahui perbezaan-perbezaan individu, memerhati kefahaman, integrasi antara pengetahuan sedia ada dengan keaslian, dan menjadikan proses pendidikan sebagai pengalaman yang menggembirakan murid (Maimun Aqsha Abdin Lubis et al. 2013). Pengajaran yang efektif dapat dilihat melalui sejauh mana kebolehan guru-guru dalam menghasilkan pengajaran yang interaktif (Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri 2007). Guru yang kreatif dan inovatif pula mestilah mempunyai persediaan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut di dalam penyampaian pengajarannya.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Tugas guru pastinya semakin mencabar kesan daripada perubahan dunia ke era globalisasi yang positif mahupun negatif (Ismail Zain 2002 ; Nik Mohd Rahimi et al. 2002). Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK10), kerajaan menyatakan keinginan untuk menjadikan profesion perguruan lebih menarik agar dapat memantapkan pengurusan prestasi serta pembangunan bertaraf dunia. Aspek ini sebagai tambahan terhadap keinginan yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9), bahawa kerajaan akan melakukan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian Pendidikan dan latihan (Prospek 2006-2010, Rancangan Malaysia Ke Sembilan [RMK9] 2011).

Namun apa yang berlaku di sekolah sekarang, terdapat satu sistem yang memberi penekanan kepada ilmu *aqli* sehingga mengabaikan ilmu *naqli* ataupun menawarkan ilmu *naqli* sekadarnya dengan tidak menjadikan ilmu *naqli* sebagai teras kepada ilmu *aqli* tersebut. Manakala sistem yang satu lagi pula memfokuskan hanya kepada ilmu-ilmu *naqli* dan mengabaikan ilmu *aqli* yang penting. Kedua-dua sistem ini gagal untuk mempersembahkan kepelbagaian bentuk disiplin dan hierarki ilmu dalam bentuk yang bersepadu dan harmoni. Ringkasnya, krisis dualisme dalam pendidikan menyebabkan berlakunya pemisahan antara ilmu agama dan ilmu sains moden (Noor Hisham 2011).

Kajian Zuhdi (2003) dan Maria (2012) turut menyatakan penyebaran sekularisme ini telah membawa kepada amalan dualisme dalam sistem Pendidikan yang memperlihatkan perkembangan secara terpisah ilmu *aqliyah* dengan ilmu *naqliyah*. Pengasingan ilmu yang menghasilkan dikotomi keilmuan telah menjadi penyebab kepada kemunduran ummah masa kini yang dikenali sebagai *stagnasi pemikiran Islam*. Nilai-nilai sekular yang dipelopori oleh Barat telah menjejaskan struktur ilmu Islam terlalu mementingkan rasionalis akal dan amalan penyelidikan empirikal yang sangat bercorak materialistik. Impaknya kepada kemenjadian murid ialah pertumbuhan insan yang tidak seimbang yang tidak menepati hasrat seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Menurut Osman Ayob (2014) masyarakat Islam sekarang tertinggal dalam segala aspek ilmu, khususnya sains lantaran tidak dapat menemui keharmonian yang terdapat dalam

al-Quran. Fahaman mereka terhadap al-Quran masih lemah. Faktor kelemahan umat Islam dalam menghayati dan menggunakan al-Quran sebagai panduan hidup dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian masih lemah. Justeru itu, kesedaran tidak dapat berkembang sejajar dengan perkembangan semasa. Kesannya umat Islam tidak dapat membentuk identiti dan jatidiri yang sebenar kerana kesedaran masih tipis.

Osman Ayob (2014) juga menambah sistem pendidikan sekarang berpegang kepada sistem pendidikan British adalah faktor utama tidak faham tentang keharmonian tersebut. Selagi sistem ini terus menjadi model dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, selama itulah keharmonian ini tidak akan dapat dicapai. Benar, para fanatik dalam sistem pelajaran agama juga mengarah kepada kelemahan ini. Soalnya ketidakseimbangan antara pengetahuan al-Quran dan sains mewujudkan jurang ini. Tegasnya dasar pelajaran sekular meminggirkan agama dan ajarannya, manakala satu puak lagi terlalu fanatik kepada pelajaran agama dan sains dan yang ada kaitan dengannya hinggakan menganggap sains itu tidak penting dengan andaian dan tafsiran yang salah. Justeru itu, satu pendekatan perlu dibuat bersesuaian dan keharmonian ini boleh dibina dalam konteks sejagat.

Begitu juga Fikri (2014) dalam buku tiada lagi keraguan sains dalam al-Quran menyatakan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam sekarang mengenai al-Quran dan sains amatlah sedikit terutama golongan-golongan muda. Berbanding dengan zaman dulu wujud ramai cendekiawan dan ilmuwan Islam seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi dan ramai lagi. Mereka beramal dengan al-Quran dan membuat kajian mengenai al-Quran dengan begitu mendalam dan mereka berjaya dalam mencipta sesuatu yang baru berkaitan dengan sains. Cendekiawan bukan Islam juga telah berjaya dalam penemuan sains dan ia berhubung dengan al-Quran dengan begitu terperinci.

Kecelaruhan dalam pendidikan yang bertunjangan fahaman sekularisme ini telah mengakibatkan kekeliruan ke atas tatasusunan ilmu dan kehilangan tujuan pencapaian ilmu dalam kehidupan. Natiujahnya, insan semakin jauh menyimpang daripada hakikat sebenar pendidikan, semakin luntur akhlak dan budi pekertinya dan semakin jahil dalam pertimbangan amal makruf nahi mungkar. Pendidikan yang sepatutnya membawa insan untuk lebih kenal kepada Penciptanya kini telah hilang fungsi teologinya sebaliknya lebih ke arah memenuhi keperluan tenaga kerja dan sumber manusia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif. Secara khususnya reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci dengan mengekalkan keasliannya secara holistik (Patton 1990). Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Yin 1994).

Kajian ini kaedah kajian kualitatif deskriptif dengan teknik triangulasi iaitu temu bual. Temu bual telah dijalankan kepada empat orang guru Pendidikan Islam dan pengetua di Maahad Tahfiz Sains negeri Selangor. Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman 1998). Tujuan pemilihan peserta kajian adalah untuk memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk fenomena yang dikaji (Barbour 2007). Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam 2015).

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini berkaitan dengan pelaksanaan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran ini adalah melalui langkah-langkah pengajaran yang mana bermula dari permulaan pengajaran iaitu set induksi, perkembangan pengajaran dan sesi penutup pengajaran. Dapatan pertama bagi kategori langkah-langkah pengajaran dimulakan dengan tema set induksi. Kebanyakan data dalam persoalan kajian ini terhasil daripada temubual GPI sebagai data utama disamping pemerhatian pengajaran GPI sebagai data sokongan.

a. Permulaan pengajaran- set induksi

Sesi set induksi adalah merupakan sesi permulaan pengajaran yang mencetuskan perasaan ingin tahu murid dan menarik perhatian murid terhadap sesi pengajaran. Bahagian ini paling penting yang akan memastikan fokus mereka berterusan terhadap pengajaran dan juga menimbulkan perasaan ingin tahu serta berminat terhadap pengajaran yang akan disampaikan. Guru perlu mewujudkan suasana ini selama dua hingga lima minit dalam memulakan pengajarannya. Tema dan subtema bagi pelaksanaan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran melalui permulaan pengajaran iaitu set induksi dirumuskan dalam Jadual 4.6 untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 1 Rumusan tema, subtema dan sub-subtema bagi pelaksanaan melalui set induksi

Kategori	Tema	Sub Tema	Sub-sub Tema
Perlaksanaan ikut langkah	Set induksi	Tunjuk video	konsep tauhid
		Soal jawab	fakta sains tabii
		Penerangan kemasyarakatan	fakta sains tabii, sains

Sumber: Temu bual GPI dan pemerhatian pengajaran GPI

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan kategori, tema, subtema dan sub-subtema bagi aspek perlaksanaan permulaan pengajaran iaitu melalui set induksi. Dapatan kajian mengenalpasti dalam tema set induksi ini terdapat tiga subtema iaitu tunjuk video dan sub-sub tema adalah konsep tauhid, kedua soal jawab dan sub-sub temanya adalah fakta sains tabii dan terakhir adalah penerangan dan sub-sub tema adalah fakta sains tabii dan sains kemasyarakatan.

a. Set induksi - Tunjuk video

Tunjuk keratan video merupakan subtema pertama dalam tema set induksi ini. Tunjuk video ini merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh guru melibatkan audio dan visual yang memberi kesan kepada pemikiran murid. Ustaz Khairul merupakan seorang guru yang suka menggunakan bahan bantu mengajar seperti *liquid crystal display* (lcd) semasa sesi pengajaran beliau. Semasa sesi set induksi, beliau menunjukkan tayangan video yang ringkas selama dua minit yang berkaitan dengan isi pelajaran. Contoh pernyataan beliau; “ *Untuk set induksi biasa saya akan prepare lah. Mungkin dalam dua minit, mungkin dari segi tayangan video yang sesuai lah atau penggunaan bahan yang sesuai, so dari situ kita dapat tarik sedikit minat murid dimana mereka teruja bagaimana untuk mempelajari sesuatu tajuk lah. Kemudian aaa untuk langkah-langkah 1 2 3 dan 4 tu, mengikut kepada urutan yang sewajarnya lah dengan aktiti pengajaran. Maknanya setiap aktiviti tu kita boleh selitkan*

beberapa elemen yang melibatkan pengintegrasian eh, haa antara subjek, satu subjek dengan subjek yang lain lah” (Ustaz Khairul/TB/SI : 077).

Ustaz Khairul juga mengakui bahawa fasa permulaan iaitu set induksi sangat penting bagi guru untuk menarik minat dan tumpuan murid tentang terhadap sesi pengajaran yang akan berlansung. Oleh itu beliau membuat perkaitan dengan aspek saintifik dan ayat al-Quran. Sebagai contoh, beliau meminta murid fikirkan perkaitan dari tayangan video yang ditunjukkan. Pernyataan beliau; “....*cuma yang kita nak murid fikirkan daripada apa kita yang sampaikan daripada video tu, dan kita cuba tarikkan dan selitkan beberapa elemen yang melibatkan satu tajuk yang kita ajar dan di masa yang sama kita boleh masukkan elemen integrasi” (Ustaz Khairul/TB/SI: 217).* Bagi beliau untuk melaksanakan set induksi yang bersesuaian dengan pengintegrasian ilmu itu perlu bertepatan dengan tajuk yang diajar. Hal ini dinyatakan oleh Ustaz Khairul; “....*tapi, walau bagaimanapun ianya merujuk kepada beberapa tajuk lah. Mungkin ada tajuk yang kita tak boleh nak masuk pada integrasi kan?aaa memang set induksi tu pada saya bergantung pada tajuk” (Ustaz Khairul/TB /SI : 209).*

Melalui pemerhatian secara lansung semasa sesi pengajaran Ustaz Khairul, Dapatan kajian mendapati Ustaz Khairul sememangnya menggunakan LCD semasa pengajaran. Beliau berjaya menarik minat dan perhatian murid terhadap topik yang menerusi satu tayangan video selama dua minit berkaitan dengan kemalangan. Murid memerhatikan video tersebut dengan penuh khusyuk dan minat. Ustaz Khairul mengaitkan kejadian kemalangan dengan tajuk pengajaran iaitu Beriman dengan *Qada’* dan *Qadar*. Beliau menjelaskan konsep tauhid kepada Allah s.w.t yang mana kematian yang berlaku dalam kemalangan tersebut adalah ketentuan dari Allah s.w.t. Sebagai seorang Muslim perlu percaya pada ajal. Setiap kehidupan pasti akan menemui ajal tersebut. Murid beliau kelihatan menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajaran beliau sejurus beliau menerangkan perkaitan dengan tajuk yang diajar. Beliau meminta murid bermuhasabah dan menginsafi tentang putaran kehidupan manusia di muka bumi ini. Setiap kejadian yang dijadikan oleh Allah s.w.t akan kembali kepada Pencipta-Nya iaitu Allah s.w.t. Tiada yang kekal di muka bumi ini melainkan hanya Allah s.w.t yang kekal abadi (Ustaz Khairul/OBS/SI:010).

Di sini dapat dilihat integrasi ilmu berlaku yang mana Ustaz Khairul dapat mengaitkan sesi pengajaran dengan konsep tauhid kepada Allah s.w.t.

b. Set induksi - Soal jawab

Soal jawab merupakan sub tema yang kedua bagi tema set induksi. Soal jawab merupakan satu kaedah yang digunakan oleh guru untuk menjana idea dan respon daripada murid. Ustazah Laila juga menggunakan kaedah yang sama dengan Ustaz Khairul semasa sesi set induksi dijalankan. Beliau kadangkala menunjukkan tayangan video ringkas selama dua minit untuk menarik perhatian murid. Selepas itu beliau mula bersoal jawab dengan murid untuk mendapatkan respon dari tayangan video yang ditunjukkan. Contoh pernyataan beliau; “*Yang pertama memang ada soal jawab tu memang pasti lah, soalan tu memang pasti ada dan kadang-kadang pernah juga saya buat kadang untuk pertama tu kita tunjukkan video dulu, jadi bila tengok video tu baru lah ada sesi soal jawab tu untuk tanya lah apa yang mereka faham, apa yang mereka tahu haaa macam tu lah” (Ustazah Laila/TB/ SI:191).*

Dapatan kajian melalui pemerhatian secara lansung terhadap sesi pengajaran Ustazah Laila menunjukkan beliau memulakan sesi set induksi dengan soal jawab dengan murid berkaitan dengan tajuk berwuduk. Dalam sesi set induksi ini Ustazah Laila ada mengaitkan dengan fakta sains mengenai menjaga kebersihan. Beliau juga menerangkan tentang menjaga kebersihan dalam Islam. Ustazah Laila bertanyakan murid berapa minit dalam sehari membasuh tangan. Kenapa perlunya menyucikan tangan setiap hari. Beliau membuat

perkaitan dengan menjaga kebersihan kerana kebersihan itu bermula dengan tangan yang kotor. Beliau menerangkan dalam Islam kebersihan adalah satu ibadah untuk menghadap Pencipta. Selepas itu beliau membuat perkaitan dengan fakta sains yang mana apabila badan yang kotor akan mudah dijangkiti oleh penyakit atau kuman (Ustazah Laila/OBS/SI:09).

Bagi Ustaz Alimi pula, beliau mempunyai persamaan dengan Ustazah Laila yang menggunakan kaedah soal jawab semasa sesi set induksi. Beliau lebih suka mengadakan interaksi dua hala dengan murid. Beliau mengakui beliau amat lemah membuat bbm ; *“...cuba aaa tarik perhatian diorang berkenaan dengan tajuk lah. Biasa set induksi ni pada mula-mula kan. So biasa mula-mula kelas tu kita akan tanya tajuk apa, kita sembanglah...kita sembang, banyak sembang lah, soal jawab lah kot. Saya bab BBM ni lemah”* (Ustaz Alimi/TB/SI : 230).

Bagi Ustaz Alimi pula beliau bertindak secara spontan bersoal jawab dengan murid. Contoh hujah beliau; *“...dari segi induksi, hakikat sebenarnya kalau kita dah jadi guru, ia beza dengan praktikal. Aaa kadang tu kita induksi secara tak langsung, soal jawab dengan murid mana yang kita mampulah”* (Ustaz Alimi/TB/SI: 099).

c. Set induksi - Penerangan

Penerangan merupakan subtema yang terakhir bagi tema set induksi. Penerangan atau penjelasan terhadap fakta pengajaran adalah kaedah yang amat popular yang digunakan oleh guru. Semasa sesi set induksi, Ustaz Khairul mengakui beliau ada menerangkan fakta pengajaran dengan menggabungkan elemen-elemen saintifik. Sebagai contoh dalam pengajaran tentang solat, beliau menerangkan kepada murid tentang kepentingan solat dan mengaitkan dengan kesihatan tubuh badan. Murid akan dapat mempelajari ilmu sains secara tidak langsung dalam sesi pengajaran tersebut. Contoh pernyataan beliau; *“ Walaupun kata kita mengajar di dalam Pendidikan Islam aaa elemen sains masih boleh diterapkan, sebagai contoh kalau kita mengajar subjek, mungkin bahagian solat kita boleh terangkan pada murid apakah kepentingan solat daripada segi kesihatan pada tubuh badan. Dan apakah ayat al-Quran yang menceritakan aaa kepentingan solat itu. Mungkin memang kalau daripada al-Quran saja dan mungkin hadith pun melibatkan elemen-elemen yang penting lah”* (Ustaz Khairul/TB/SI : 089). Dapatan kajian melalui pemerhatian juga menunjukkan beliau dapat menarik perhatian murid dengan menerangkan perkaitan perlakuan solat dengan kesihatan tubuh badan. Beliau menjelaskan kesan dari pergerakan solat itu diumpamakan seperti melakukan senaman ringan dan dibuktikan dapat meningkatkan tahap ketahanan badan, menghindarkan risiko penyakit jantung, hilangkan stress atau tekanan dan sebagainya. Murid mendengar penjelasan beliau dengan penuh khusyuk (Ustaz Khairul/OBS/SI : 02).

Dapatan kajian melalui pemerhatian semasa sesi pengajaran Ustaz Alimi menunjukkan memulakan bicara beliau dengan menceritakan tentang kehidupan berjiran kepada murid. Ia bersesuaian dengan topik pengajaran pada hari tersebut mengenai adab-adab berjiran. Beliau mengaitkan dengan hidup berjiran di asrama. Penceritaan Ustaz Alimi yang cuba mengaitkan dengan sains kemasyarakatan seperti kehidupan manusia tidak boleh untuk hidup seorang diri. Setiap manusia perlu berinteraksi dan sentiasa berhubung untuk meluaskan lagi ilmu dan pengalaman amat menarik perhatian murid. Beliau menyenaraikan beberapa kewajipan seorang murid bilamana hidup berjiran. Murid mendengar penceritaan Ustaz Alimi dengan rasa seronok kerana beliau ada mengaitkan dengan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan hidup berjiran serta hadith yang berkaitan. Murid merasa teruja dengan penceritaan Ustaz Alimi yang penuh dengan fakta (Ustaz Alimi/OBS/SI : 09).

Dapatan kajian melalui pemerhatian semasa pengajaran Ustazah Zaya menunjukkan sesi set induksi dimulakan dengan soal jawab dan disusuli dengan penerangan. Beliau menunjukkan sebotol air mineral kepada murid dan bersoal jawab dengan murid berkaitan

dengan fakta mengenai air. Beliau bertanya apakah yang murid-murid faham berkaitan dengan sifat-sifat air dan apakah kegunaan air kepada manusia. Beliau mengemukakan fakta saintifik berkaitan dengan sifat-sifat air. Kelihatan murid khusyuk dengan penerangan yang diberikan oleh beliau. Pada mulanya beliau kelihatan tidak begitu yakin menerangkan fakta berkaitan sains tersebut. Namun begitu beliau dengan sedaya upaya menerangkan fakta. Semasa sesi ini mengintegrasikan penerangan beliau dengan mengemukakan fakta saintifik tentang sifat-sifat air (Ustazah Zaya/OBS/SI :10).

b. Perkembangan pengajaran

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan tema perkembangan pengajaran. Sesi perkembangan pengajaran adalah merupakan sesi yang melibatkan aktiviti guru dengan murid. Pelaksanaan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran melalui sesi perkembangan dirumuskan dalam Jadual 2 untuk memudahkan pemahaman. Kebanyakan data dalam persoalan kajian ini terhasil daripada temubual GPI sebagai data utama disamping pemerhatian pengajaran GPI sebagai data sokongan.

Jadual 2 Rumusan tema, subtema dan sub-subtema bagi pelaksanaan melalui perkembangan pengajaran

Kategori	Tema	Subtema	Sub-sub tema
Perlaksanaan ikut langkah	Perkembangan	Kaitkan	ilmu sains dan al-Quran konsep tauhid isu-isu semasa aspek dakwah fakta sains kemasyarakatan
		Minta murid keluarkan ayat al-Quran	
		Minta murid baca ayat al-Quran	

Sumber: Temu bual GPI dan pemerhatian pengajaran GPI

Berdasarkan Jadual 2 berkaitan dengan pelaksanaan pengintegrasian ilmu melalui perkembangan pengajaran GPI, kajian mengenalpasti terdapat dua subtema dalam pelaksanaan melalui tema perkembangan pengajaran iaitu subtema penerangan dan diikuti oleh empat sub-subtema seperti fakta sains tabii, konsep tauhid, isu-isu semasa, aspek dakwah dan fakta sains kemasyarakatan. Manakala subtema yang kedua adalah meminta murid keluarkan ayat al-Quran dan subtema yang ketiga adalah minta murid baca ayat al-Quran.

i. Perkembangan – Kaitkan ilmu sains dan al-Quran

Penerangan merupakan sub tema yang pertama bagi tema perkembangan pengajaran. Subtema penerangan ini diikuti oleh sub-subtema fakta sains tabii. Ustaz Khairul mengakui beliau masih baru dalam melaksanakan integrasi ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran. Bagi beliau, konsep integrasi ilmu ini perlu seiring dengan al-Quran dan sains. Contoh pernyataan beliau; *“ni pada analisis saya sendiri lah. Apa yang saya ajar mungkin masih pembaharuan emmm masih baru lah. Masih perlukan peningkatan yang lebih lah untuk saya*

ketengahhkan lagi untuk disampaikan kepada murid. Maknanya ada konsep belajar dan integrasi ni berkaitan dengan subjek lain lah dia ada al-Quran dan sains ni, seiring lah. Haa tapi mungkin yang setakat ni sikit lah apa orang kata baru pengenalan semata-mata lah” (Ustaz Khairul/TB/Pkb:173).

Beliau juga mengakui, boleh dikatakan hampir keseluruhan tajuk-tajuk dalam Pendidikan Islam khususnya bahagian tilawah al-Quran tingkatan dua dapat diintegrasikan dengan sains dan al-Quran. *“Setiap tajuk-tajuk kecil tu ye tilawah semua boleh diintegrasikan. Namun dalam tajuk kecil tu mungkin ada bab-bab tertentu sahaja yang mungkin kita tak mampu untuk diintegrasikan”*(Ustz Khairul/TB/Pkb : 269).

Ustaz Khairul juga menekankan bahawa sesi pengajaran yang mempunyai integrasi ilmu ini dapat menarik minat murid. Murid lebih teruja untuk mengetahui fakta-fakta saintifik yang disampaikan oleh guru. Contoh pernyataan beliau; *“bila kita menggunakan sistem integrasi ni,kita nampak murid lebih aaa..berminatlah, lebih, lebih seronok, untuk mengetahui, untuk mendalami suatu ilmu, suatu tajuk tu dia lebih seronok, lebih teruja dan makin nak tahu”* (Ustaz Khairul/TB/Pkb : 193).

Data triangulasi dari temubual kumpulan murid Ustaz Khairul. Hujah dari murid A; *Kadang-kadang ada tapi ikut kepada tajuk yang sesuai. Memang rasa seronok sangat bila ada perkaitan dengan ayat-ayat al-Quran tu sebab lebih membuka minda saya dan rasa ilmu tu luas je. Lagi satu banyak benda yang saya rasa boleh dapat dari terikat dengan buku teks* (KMF1_AMTS1/TB/Pkb :14).

Bagi Ustazah Laila pula beliau suka mengaitkan isi-isi pelajaran Pendidikan Islam dengan aspek kesihatan secara saintifiknya. Sebagai contoh beliau mengajar tajuk berkaitan dengan wudhu’, beliau menekankan kepada aspek kebersihan dan perkaitannya dengan ilmu sains. Contoh huraian beliau; *“contohnya macam berwudhu pun, ye lah memang kita dah tahu basuh muka, basuh tangan, basuh kaki, jadi..daripada segi sains nya pun memang kesihatannya pun memang kita perlu kan basuh kaki basuh tangan untuk kebersihan diri sendiri”* (Ustazah Laila/TB/Pkb: 269). Menurut data kajian melalui triangulasi data temubual kumpulan murid iaitu murid B menunjukkan; *Ustazah memang ada kupas ayat-ayat tersebut. Sebagai contoh Ustazah ngajar tentang berwuduk. Dia ada bagitau tentang kandungan air tersebut dan kenapa air itu penting kepada manusia. Dia mengupas dengan fakta-fakta saintifik memang kami rasa seronok sangat dengan penerangan dari beliau.* (KMF2_BMTS1/TB/Pkb:40).

Ustazah Laila mengakui memang sukar untuk mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam sesi pengajaran kerana kesuntukkan masa . *“Sejujurnya memang benda tu sulit nak dibuat sebab kita banyak terikat dengan masa, aa..”*(Ustazah Laila/TB/Pkb:159). Beliau juga menyatakan perlaksanaan integrasi ilmu sains dan al-Quran tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tingkatan satu ini. Ia bergantung kepada kesesuaian tajuk. Contoh pernyataan beliau; *“Ok aaa ada cumanya aaa dia sebenarnya tidaklah terlalu menyeluruh. Sebab kita tengok juga mata pelajarannya kan. Kalau macam wudhu tu boleh, kalau kadang-kadang ada masanya kita boleh integrasi dengan yang lain, tak semestinya dengan sains sahaja lah”* (Ustazah Laila/TB/Pkb : 207).

Contoh pemerhatian pengajaran Ustazah Laila, beliau menceritakan tentang kejadian air yang mana penting dalam kehidupan manusia dan membuat perkaitan dengan kepentingan air kepada manusia. Beliau juga mengaitkan dengan elemen-elemen sains proses kejadian air. Kelihatan murid amat seronok dengan kupasan yang diberikan. Beliau juga menerangkan apa akibat dari membazir air dan sifat membazir itu adalah perbuatan syaitan (Ustazah Laila/OBS/Pkb 2014:012).

Ustaz Alimi juga menjelaskan proses peingintegrasian itu dilaksanakan bilamana terdapat persoalan dari murid. Murid mengajukan beberapa soalan berkaitan dengan isi pelajaran yang diajar. Contoh pernyataan beliau; *“Dia macam recall balik apa yang pernah*

kita baca. Kadang benda tu datang daripada persoalan murid. Murid tanya, ustaz ni macam mana, macam mana, macam mana kemudian kita pun dapat ilham masa nak menjawab. So, benda tu tak akan ada dalam RPH". (Ustaz Alimi/TB/Pkb:114).

Dapatan kajian melalui data pemerhatian di dalam bilik darjah menunjukkan Ustaz Alimi berusaha dengan sedaya upaya menjawab soalan-soalan murid berkaitan dengan sifat-sifat malaikat yang dijadikan dari cahaya. Murid menanyakan bagaimana sifat cahaya tersebut menurut sains. Begitu juga dengan tugas malaikat Jibril. Bagaimana keadaan malaikat Jibril menyampaikan wahyu kepada Rasulullah s.a.w. Ustaz Alimi mengaitkan dengan fakta sains tentang sifat cahaya. Di sini amat memerlukan pengetahuan dan penguasaan ilmu yang mendalam terhadap bidang sains untuk menjawab persoalan-persoalan murid tersebut (Ustaz Alimi/OBS/Pkb: 013).

Berdasarkan data temubual kumpulan murid Ustaz Alimi menunjukkan beliau dapat menarik minat muridnya. Hujah murid A; *Cara pembelajaran semasa Pendidikan Islam memang menarik. Ustaz ada tekankan berkaitan fakta-fakta sains dan memang kami mudah faham apa yang ustaz ajar. Dalam masa yang sama senang untuk kami. Memang seronokla dengan cara ustaz tu (KMF3_AMTS1/TB/Pkb: 8).*

Ustaz Alimi juga menyatakan kadangkalanya beliau ada integrasikan ilmu sains tersebut dengan hadith. Contohnya: *"saya dulu minat bidang hadith, kalau kita selit dengan hadith, kita selitkan kadang-kadang kalau hadith tu berkaitan dengan sains, kita buatlah. Contoh..aaa.apa nama manusia dia bersin dan batuk , aa bila kata bersin dan batuk tu kenapa?Kita buat dari segi sains. Sehingga dia buang habuk dan kotoran dalam badan. Kemudian dalam hadith tu, aaaa nabi mengajarkan kalau bersin, harus sebut 'alhamdulillah'. Sebab apa? Sebab Allah s.w.t nak bagi kita buang kekotoran tu. Sebab bersin bagi satu nilai kesihatan. Bila dah doa, Alhamdulillah kat diri sendiri, orang yang dengar tu dia kena sebut yarhakumullah, doakan kepada orang. Tu konsep yang ada dalam hadith"* (Ustaz Alimi/TB/Pkb:127,131).

Namun begitu Ustaz Alimi mengakui bahawa terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menerangkan berkaitan dengan elemen-elemen sains. Seperti dalam buku Pendidikan Islam tingkatan satu ada dinyatakan tajuk-tajuk yang sesuai untuk diintegrasikan dengan ilmu sains dan al-Quran; *"dari segi ayat al-Quran kita tengok mana yang bersesuaian biasanya kalau buku PAI ni dia akan bagi contoh akibat tak buat benda ni, kalau akibat macam ni..macam ni..macam ni.. biasa ayat yang kita guna"* (Ustaz Alimi/TB/Pkb 2014:135).

Di samping itu juga, dapatan kajian melalui pemerhatian secara lansung dalam bilik darjah menunjukkan Ustazah Zaya banyak mengaitkan dengan fakta-fakta sains dengan debu tanah yang digunakan untuk bertayammum. Contoh pemerhatian kelas beliau; semasa menerangkan berkaitan dengan alat-alat yang digunakan untuk bertayammum iaitu debu tanah, beliau ada menjelaskan dan mengaitkan dengan elemen saintifik berkaitan dengan debu tanah (Ustazah Zaya/OBS/Pkb :15).

ii. Perkembangan – kaitkan dengan konsep tauhid

Ustaz Khairul juga menyatakan dalam aspek perkembangan pengajaran ini guru perlu membawa murid mengenali diri dan Pencipta. Seterusnya membina jati diri murid untuk kuat beragama dan beribadah kepada Allah s.w.t. Contoh pernyataan beliau; *"kita ketengahkan dengan keEsaan Allah s.w.t supaya kita dapat menjamin, mungkin akan datang akan lahir aaa mungkin kita tak tahu lah mungkin ada daripada golongan akademik, tapi berfikiran yang matang dan aaa boleh kata memiliki jati diri yang kuat pada agama lah. Disitu kita lahirkan insan yang rabbani lah, pada saya lah"* (Ustaz Khairul/TB/Pkb :197). Hasil dapatan dari tembual murid B beliau menyatakan; *"semangnyanya Ustaz selalu kupas ayat-ayat al-*

Quran dalam sesi pnp. Itulah tujuan sekolah ini dibina adalah untuk membiasakan dengan ayat-ayat al-Quran” (KPF1_BMTS1/TB/Pkb :16).

Bagi Ustaz Khairul, beliau mengakui bahawa tidak semua tajuk dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tingkatan dua itu sesuai untuk diintegrasikan dengan ilmu sains dan al-Quran. Ia bergantung kepada tajuk-tajuk yang sesuai. Pernyataan beliau; “*Pada saya bergantung pada tajuk. Mungkin ada tajuk yang sesuai kita boleh integrasikan secara, mungkin lebih banyak kita masukkan elemen-elemen ni, mungkin ada tajuk yang kita tak lah mampu untuk kita selarikan dengan aaa ni lah integrasi tadi*” (Ustaz Khairul/TB/Pkb: 265).

Contoh pemerhatian pengajaran Ustaz Khairul; sesi penerangan bermula dengan *slide* pertama iaitu berkaitan dengan definisi perkataan *qada’* dan diikuti dengan perkataan *qadar*. Ustaz Khairul menerangkan isi pelajaran dengan penuh kesungguhan bilamana murid memberi respon yang baik dalam isi kandungan *qada’ mubram* itu ada diterangkan berkaitan dengan kematian, kejadian alam, kejadian siang dan malam, setelah itu Ustaz Khairul terus membuat perkaitan dengan konsep tauhid kepada Allah s.w.t yang mana setiap yang berlaku di muka bumi ini datangnya dari Allah s.w.t. Beliau menerangkan dengan penuh yakin dan murid-murid menunjukkan minat terhadap sesi penerangan tersebut (Ustaz Khairul/OBS/Pkb : 011, 012).

Dapatan kajian melalui pemerhatian pengajaran Ustazah Laila juga menunjukkan beliau menceritakan berkaitan dengan anggota wajib dan anggota sunat wuduk, beliau menerangkan hikmah di sebalik Allah s.w.t jadikan anggota-anggota tubuh badan kepada manusia beserta fungsinya. Selepas itu Ustazah Laila menerangkan berkaitan dengan anggota berwuduk yang mana ia dibahagikan kepada anggota wajib wuduk dan anggota sunat wuduk. Dalam bahagian ini beliau menerangkan satu persatu dengan contoh-contoh yang sesuai kenapa Allah s.w.t menjadikan setiap anggota itu penting kepada manusia. Setiap yang Allah s.w.t jadikan mempunyai fungsi dan kegunaan kepada manusia (Ustazah Laila/OBS/Pk : 013).

Dapatan kajian melalui pemerhatian kali kedua menunjukkan Ustaz Alimi juga menerangkan beberapa fakta saintifik berkaitan dengan sifat-sifat malaikat yang dijadikan dari cahaya. Beliau menyatakan bahawa hanya Allah s.w.t sahaja yang mengetahui tentang sifat cahaya tersebut. Contoh pemerhatian pengajaran beliau: beliau menceritakan tentang asal usul malaikat yang dijadikan oleh Allah s.w.t dari cahaya. Kemudian beliau mengaitkan perkaitan cahaya itu dengan fakta saintifik. Beliau menyatakan hanya Allah s.w.t sahaja yang Maha Mengetahui sifat cahaya itu. Bagaimana keadaan cahaya itu juga adalah bidang kuasa dari Allah s.w.t. Cuma kita sebagai manusia harus menyedari tentang kekuasaan Allah s.w.t yang menjadikan malaikat yang bilangannya ramai dan kita sebagai manusia tidak dapat mengira dengan mata kasar kita bilangan yang sebenarnya malaikat tersebut (Ustaz Alimi/OBS2/Pkb :12).

iii. Perkembangan -Kaitkan dengan isu-isu semasa

Dalam sesi perkembangan ini juga Ustaz Khairul banyak menggunakan pendekatan integrasi ilmu sains dan al-Quran. Beliau juga menceritakan akibat dari kemarau panjang. Beliau mengaitkan dengan isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling murid. Murid mendengar penuh khusyuk dan merasa seronok dalam sesi pengajaran tersebut. Contoh pemerhatian beliau; Ustaz Khairul menceritakan juga tentang kejadian hujan dan membuat perkaitan dengan kepentingan air hujan kepada manusia. Beliau juga mengaitkan dengan elemen-elemen sains proses kejadian hujan. Kelihatan murid amat seronok dengan kupasan yang diberikan. Beliau juga ada menerangkan tentang musibah yang berlaku terhadap alam iaitu kemarau. Apa yang berlaku sekiranya berlaku apabila kemarau yang panjang. Murid juga memberikan respon

yang amat baik dan memberikan idea dan pandangan sekiranya berlaku kemarau tersebut (Ustaz Khairul/OBS/Pkb:012).

Berdasarkan data triangulasi temubual murid Ustaz Khairul menunjukkan murid D amat berminat dengan sesi pengajaran Ustaz Khairul. Contoh pernyataan murid D Ustaz Khairul ; *“rasa seronok dan memberi kesan kepada saya kerana dengan kalimah-kalimah al-Quran menjadikan saya menghayati dan bertadabur dengan ayat-ayat suci tersebut. Saya lebih suka ustaz terangkan yang berlaku di sekeliling kita dan kaitkan dengan ayat-ayat al-Quran”* (KPF1_DMTS1/TB/Pkb : 40).

iv. Perkembangan- Kaitkan dengan aspek dakwah

Pada pada sesi perkembangan pengajaran beliau selalu memberi perkaitan dengan aspek dakwah kepada murid. Beliau meminta murid mengamalkan ilmu yang dipelajari melalui al-Quran. Bagi Ustaz Alimi dalam al-Quran itu sendiri banyak terkandung elemen dakwah. Sebagai contoh; *“Sekiranya kamu menjadi seorang doktor, kamu ada Quran, al- Quran tu sumber segala ilmu. So kamu boleh ceritakan dengan pesakit kamu kalau sakit kamu ni macam ni, sakit ni secara umumnya lah kafarah dosa. Dia mungkin nak menghapuskan dosa, mungkin kita ni ada dosa kan jangan kata kat pakcik ada dosa, pakcik yang sakit tu, jangan cakap dia ada dosa. Kita ni semua insan yang berdosa, kadang-kadang Allah s.w.t bagi macam ni sebgai peringatan untuk kita, nak ketuk sikit biar kita ada keinsafan. So kalau boleh Allah s.w.t nak suruh taubat kita lah”* (Ustaz Alimi/TB/Pkb : 214).

v. Perkembangan - Kaitkan dengan sains kemasyarakatan

Ustaz Alimi juga menerangkan fakta berkaitan dengan ilmu sains kemasyarakatan. Beliau cuba meminta murid mempraktikkan aspek tolong menolong dalam kehidupan seharian murid. Beliau juga menambah seseorang guru itu perlu mempunyai ilmu yang banyak dan sentiasa membuat kajian untuk memberi contoh-contoh yang sesuai kepada murid. Dengan itu dapat menarik minat murid kepada sesi pengajaran. Sebagai contoh pernyataan beliau; *“Dalam aplikasi kehidupan dia kata apa benda yang tolong menolong ni? Kemudian biasalah, jawapan yang biasa murid bagi tu, tolong menolong kalau ada gotong royong ke, tolong guru ke, lepas tu daripada sudut sains dia apa? Lepas tu kita tanya mungkin, dia biasanya dia tak nampak sangat lah benda tu. Lepas tu katakan lah, boleh jadi wujud aaa apa cas positif di antara individu yang menolong individu lain kan . So benda tu dalam Islam kita sebut ukhuwah. Macam tu lah, kita rangsang murid untuk biar dia terbuka minda dia, biar dia nampak ada kaitan sebenarnya. Cuma bila tak banyak baca ataupun tak banyak research, dia tak tahu. Macam tu lah”* (Ustaz Alimi/TB/Pkb : 234).

Dapatan kajian melalui pemerhatian pengajaran di dalam kelas menunjukkan beliau menerangkan beberapa aspek dalam kehidupan berjiran. Beliau mengaitkan dengan kewajipan yang patut ditunaikan sebagai seorang jiran adalah sifat prihatin, tanggungjawab dan menjaga kebajikan sesama jiran tetangga. Contoh pemerhatian pengajaran beliau: Ustaz Alimi menjelaskan beberapa perkara yang berlaku sekiranya terdapat jiran-jiran yang tidak prihatin keadaan jiran yang lain. Beliau mengaitkan dengan tanggungjawab manusia dalam kehidupan seharian. Di samping itu beliau juga menyenaraikan sifat-sifat yang perlu ada dalam hidup berjiran seperti sifat prihatin, tanggungjawab, memegang amanah jiran, tidak menjaga tepi kain orang, tidak membuka keaiban jiran dan lain-lain lagi (Ustaz Alimi/OBS1/Pkb 2014:11).

vi. Perkembangan – Minta murid keluarkan ayat al-Quran yang berkaitan

Memandangkan murid di MTS 1 merupakan murid yang menghafaz al-Quran, Ustaz Khairul mengambil peluang tersebut dengan meminta seorang murid secara sukarela mengeluarkan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan isi pelajaran. Contoh pernyataan yang menunjukkan pemerhatian sesi pengajaran beliau; beliau ada meminta seorang murid perempuan yang berada di belakang kelas mengeluarkan ayat al-Quran yang sesuai berdasarkan kepada kejadian siang dan malam tersebut. Murid tersebut telah menghafaz ayat tersebut dan membacanya diikuti dengan bacaan ayat-ayat terjemahan (Ustaz Khairul/OBS/Pkb:012). Di sini dapat dilihat kebolehan murid-murid mengeluarkan ayat-ayat berdasarkan apa yang mereka hafaz.

vii. Perkembangan – Minta murid membaca ayat al-Quran yang berkaitan

Dapatan kajian melalui pemerhatian pengajaran di dalam bilik darjah menunjukkan Ustazah Laila amat bersungguh-sungguh menerangkan definisi berwuduk satu persatu beserta dengan contoh-contoh yang sesuai. Kemudian beliau meminta seorang murid membaca dalil yang berkaitan dengan berwuduk dan kemudiannya beliau membaca terjemahan ayat tersebut. Contoh pemerhatian beliau; sesi penerangan bermula dengan *slide* pertama iaitu berkaitan dengan definisi wuduk dari segi bahasa dan istilah. Beliau menerangkan satu persatu beserta contoh yang sesuai. Ustazah Laila menerangkan isi pelajaran dengan penuh kesungguhan bilamana murid memberi respon yang baik. Kemudian beliau meminta seorang murid membaca dalil yang berkaitan dengan berwuduk iaitu dari surah al-Maidah ayat 6. Selepas itu beliau menerangkan terjemahan dari ayat tersebut (Ustazah Laila/OBS/Pkb: 010, 011).

c. Penutup pengajaran

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan tema penutup pengajaran. Sesi penutup adalah merupakan sesi akhir pengajaran yang mana melibatkan guru menggunakan penutup kognitif dan penutup sosial. Jika guru menutup pengajaran dengan merumus isi-isi penting yang meliputi objektif pengajaran supaya bermanfaat kepada murid dikatakan penutup kognitif. Manakala penutup sosial pula digunakan apabila guru memberi nasihat kepada murid, memberi motivasi dan menyatakan harapan kepada murid. Pelaksanaan pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran melalui sesi penutup dirumuskan dalam Jadual 3 untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 3 Rumusan tema dan subtema bagi pelaksanaan melalui penutup pengajaran

Kategori	Tema	Subtema	Sub-sub tema
Perlaksanaan mengikut langkah	Penutup	Nasihat	Aspek tauhid, matlamat hidup
		Merumus	Kaitkan dengan sains.

Sumber: Temu bual GPI dan pemerhatian pengajaran GPI

Berdasarkan Jadual 3 di atas iaitu berkaitan dengan pelaksanaan melalui pengintegrasian ilmu melalui penutup pengajaran GPI, kajian mengenalpasti terdapat dua tema dan subtema dalam pelaksanaan penutup pengajaran iaitu memberi nasihat dan motivasi serta merumus isi pelajaran.

i. Penutup - Nasihat aspek tauhid, matlamat hidup

Bagi Ustaz Khairul semasa sesi penutup pengajaran beliau selalu menengahkan kepada murid nasihat dan motivasi. Beliau sentiasa merujuk kepada kandungan ayat-ayat al-Quran untuk memberi nasihat kepada murid beliau. Ada kalanya beliau merumuskan sesi pengajaran dengan membawa murid kepada aspek ketauhidan dan kebesaran Allah s.w.t sebagai Pencipta. Contoh pernyataan beliau; *“aktiviti penutup ni sekadar aaa peringatan dan nasihat. Namun masih merujuk kepada penggunaan al-Quran dan Sunnah lah. Sebagai memberi nasihat murid dan apa yang dipelajari pada hari tu dapatt diamalkan lah. Kesimpulan yang saya berikan tu kembali kepada aspek ketauhidan kepada Allah s.w.t lah”*(Ustaz Khairul/TB/Ptp : 277, 279)

Dalam sesi penutup beliau juga ada memberikan nasihat yang berkaitan dengan tajuk pengajaran. Pernyataan yang menunjukkan pemerhatian beliau; *Pada sesi yang terakhir Ustaz Khairul menerangkan slide yang terakhir berkaitan dengan hikmah dari beriman dengan qada dan qadar. Beliau memberikan contoh berkaitan dengan rezeki yang Allah s.w.t kurniakan kepada manusia. Terdapat lapan perkara penting yang dikemukakan dalam bab hikmah beriman dengan qada dan qadar dari Allah s.w.t. Murid mendengar dengan penuh khusyuk* (Ustaz Khairul/OBS/Ptp :014)

Menurut Ustazah Laila, beliau banyak memberi nasihat kepada murid pada akhir sesi pengajaran. Beliau menjelaskan kepada murid matlamat hidup sebagai seorang pelajar. Beliau mengaitkan beberapa fakta-fakta sains yang berkaitan. Contoh huraian beliau; *“biasanya kalau penutup ni saya lebih, lebih saya bercakap lah. Lebih kepada macam aaaa nasihat dan aaa kalau nasihat tu, kalau kamu jadi seorang yang begini kamu akan jadi, nanti kamu akan jadi berjaya. Kalau berakhlak tu apa..apa akan jadi bila nasihat tu dia termasuk dah ada dalam situ”*(Ustaz Khairul/OBS/Ptp: 014).

Dapatan kajian melalui pemerhatian pengajaran di dalam bilik darjah menunjukkan Ustazah Laila lebih suka memberi nasihat kepada murid. Sebagai contoh dalam pengajaran berwuduk iaitu dalam bab hikmah berwuduk, beliau memberi nasihat kepada murid berkaitan dengan kepentingan melakukan ibadah kepada Allah s.w.t. Contoh pemerhatian kelas beliau: beliau menerangkan tajuk yang terakhir iaitu hikmah dari berwuduk. Dalam penerangan ini beliau memberi nasihat kepada murid tentang kepentingan melakukan ibadah kepada Allah s.w.t. Begitu juga dengan amalan murid tahfiz yang sentiasa bersama al-Quran setiap masa dan semestinya perlu sentiasa mempunyai wuduk (Ustazah Laila/OBS/Ptp : 014).

Pada sesi penutup pengajaran, Ustaz Alimi meminta murid supaya mengaplikasikan ilmu yang mereka perolehi dari bilik darjah. Bagi beliau kebanyakan murid mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan tetapi tidak mengamalkan ilmu yang diperolehi dalam kehidupan harian mereka. Hujah Ustaz Alimi; *“Kesimpulan lah yang kita minta dan biasanya lah akhir sekali kita akan pesan, hmm bukan yang menjadi harapan kita, saya lah, bukan antum faham benda ni boleh jawab exam, yang lebih saya tekankan macam mana antum aplikasikan apa yang antum dapat ni dalam hidup. Itu yang biasa kita cakap lah. Sebab ramai student ni faham faham macam tu, exam boleh jawab, tapi daripada pengamalan dia kurang”*(Ustaz Alimi/TB/Ptp : 274, 278).

b. Penutup – Kaitkan dengan fakta sains

Analisis dapatan melalui pemerhatian pengajaran Ustaz Khairul menunjukkan pada sesi penutup beliau merumuskan isi pelajaran satu persatu dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai yang berkaitan dengan fakta sains. Murid tidak menunjukkan muka bosan kerana

khushyuk mendengar penerangan dari beliau. Contoh pernyataan menunjukkan pemerhatian beliau: Pada sesi penutup, Ustaz Khairul memberikan kesimpulan berdasarkan tajuk yang diajar beliau merumuskan semula isi pelajaran satu persatu. Walaupun keadaan kelas masa terakhir namun suasana kelas masih lagi aktif memandangkan Ustaz Khairul menerangkan isi pelajaran dalam bentuk yang menarik dan murid tidak menunjukkan suasana bosan (Ustaz Khairul/OBS/Ptp : 011, 012).

Walaupun sesi pengajaran Ustazah Laila merupakan waktu yang terakhir, murid-murid di dalam kelas beliau tidak menunjukkan suasana yang membosankan. Mereka kelihatan ceria dan bersemangat dengan sesi pengajaran Ustazah Laila. Ustazah Laila tidak lupa untuk menutup kelas beliau bacaan surah Al-Asr dan tasbih kafarah. Contoh pemerhatian kelas beliau; Pada sesi penutup, Ustazah Laila memberikan kesimpulan berdasarkan tajuk yang diajar. Beliau merumuskan semula isi pelajaran satu persatu. Walaupun keadaan kelas masa terakhir namun suasana kelas masih lagi aktif memandangkan Ustazah Laila menerangkan isi pelajaran dalam bentuk yang menarik dan murid tidak menunjukkan suasana bosan. Sesi kelas berakhir dengan surah al-Asr dan tasbih kafarah (Ustazah Laila/OBS/Ptp : 015).

Dapatan kajian dari pemerhatian secara lansung dalam bilik darjah menunjukkan Ustaz Alimi merumuskan semula isi pelajaran satu persatu dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai serta membaca surah al-Asr dan tasbih Kafarah (Ustaz Alimi/OBS1/Ptp :14).

Begitu juga melalui pemerhatian secara lansung dalam bilik darjah menunjukkan Ustazah Zaya mengakhiri sesi pengajaran beliau dengan merumus semula isi pelajaran dan mengemukakan beberapa soalan penyelesaian masalah kepada murid. Beliau juga menutup pengajarannya dengan bacaan surah al-Asr dan tasbih kafarah. Contoh pemerhatian kelas beliau; pada sesi penutup, Ustazah Zaya memberikan beberapa soalan yang berbentuk penyelesaian masalah. Guru meminta murid secara sukarela menjawab dan memberi respon berkaitan soalan tersebut. Selepas itu, beliau merumuskan semua isi pelajaran satu persatu (Ustazah Zaya/OBS/Ptp :18).

Melalui dapatan temubual ketua panitia Pendidikan Islam di MTS1 menyatakan secara keseluruhan guru-guru Pendidikan Islam di bawah seliaan beliau mengamalkan integrasi ilmu sains dan al-Quran adalah berada dalam tahap yang membanggakan iaitu 70% ke 80%. Beliau juga menambah ia adalah bergantung kepada kesesuaian tajuk dan isi pelajaran. Hujah beliau; *“Dalam sesi pnp, 100% tu tidak, dalam emm 70% aaa 80%”. Ya bergantung pada tajuk, dia sebabnya dalam Pendidikan Islam tu dia memang dah ada dalil-dalil dia tu* (KP1MTS1/TB:108, 110).

Bagi ketua panitia matapelajaran Pendidikan Islam di MTS2 pula menyatakan beliau merasakan pelaksanaan integrasi ilmu sains dan al-Quran itu amat penting kepada pembangunan diri murid dan mendekatkan diri mereka kepada Pencipta iaitu Allah s.wt. Justeru itu beliau sentiasa memberikan galakan kepada guru-guru Pendidikan Islam di bawah seliaan beliau untuk mengamalkannya. Hujah beliau; *“Mana yang berkaitan tu kita galakkan lah, mana yang ada yang kita boleh kaitkan, rentaskan dengan bidang sains memang kita galakkan lah. Sebab sains ni, ilmu yang boleh dekatkan kita dengan Pencipta kan”* (KP2MTS2/TB :087).

Menurut ketua panitia Pendidikan Islam di MTS2 juga, beliau berpuas hati dengan guru-guru Pendidikan Islam di bawah seliaan beliau. Rata-ratanya mampu mengamalkan integrasi ilmu sains dan al-Quran di dalam bilik darjah. Huraian beliau; *“Boleh laksanakanlah dalam kelas”* (KP2MTS2/TB :115). Beliau juga menambah beliau amat bersetuju dengan pandangan Ustazah Zaya dan Ustaz Alimi menyatakan pelaksanaan integrasi ilmu sains dan al-Quran ini dapat dilaksanakan sekiranya ia bersesuaian dengan tajuk ; *“apa yang saya nampak sebenarnya diorang laksanakan. Tapi bergantung kepada*

topik yang dibincangkan dalam masa sesi pengajaran tula, contoh macam ada setengah ayat ni, dia berkaitan dengan kejadian hujan, angin, awam jadi yang tu memang sangat berkait rapat dengan sains lah. Jadi dalam huraian dalam rancangan pengajaran memang di bincangkan secara langsung lah berkaitan dengan sains” (KP2MTS2/TB:184).

5.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan amalan guru dalam kajian ini memfokuskan kepada tingkah laku guru dalam bilik darjah iaitu melibatkan proses pelaksanaan pengajaran mengikut langkah-langkah pengajaran yang bermula dari set induksi, langkah perkembangan pengajaran dan langkah penutup pengajaran. Menurut Rohizani et al. (2005) pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas.

a. Permulaan pengajaran

Permulaan pengajaran atau kemahiran set induksi dikaitkan dengan cara guru mengemukakan satu-satu unit pelajaran. Ahmad Mohd Salleh (1997) menjelaskan pada peringkat ini guru hendaklah memperkenalkan tajuk dan skop pelajaran. Di samping itu juga guru perlu memastikan murid telah bersedia menerima isi pelajaran dan menumpukan minat untuk belajar.

Seterusnya Kamaruddin (1990) menjelaskan bahawa para guru perlu menguasai beberapa komponen kemahiran tertentu semasa mengendalikan permulaan pengajaran. Antaranya ialah pertama; menarik perhatian, ia merangkumi penggunaan suara guru, gerak isyarat, pertembungan mata, media pandang dengar dan corak interaksi guru dan murid. Kedua; mewujudkan motivasi di mana guru menunjukkan kemesraan dan penuh semangat terhadap perkara yang akan diajar. Ketiga; menstruktur iaitu menyatakan had tugas yang akan dijalankan. Keempat; membuat perkaitan di mana penjelasan guru dengan membuat perbandingan dan perbezaan

Set induksi merupakan aktiviti terpenting pada permulaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan dalam set induksi mampu mendorong kepada penglibatan murid sehingga selesai sesi P&P. Sebaliknya, kegagalan dalam set induksi menjadikan kelas hambar serta minat murid juga tidak dapat dibangkitkan (Salih dan Abd al-Aziz 1999). Kemahiran set induksi dapat dibahagikan kepada empat jenis komponen yang utama iaitu, menarik perhatian, mewujudkan motivasi, membuat perkaitan dan menstruktur (As'ad Ahmad Jum'at 2007). Setiap komponen set induksi ini terdapat teknik penggunaannya yang tersendiri dalam proses P&P, antaranya adalah seperti berikut:

1. Menarik perhatian

Dalam usaha menarik perhatian murid, guru perlulah menggunakan BBM yang pelbagai seperti menunjuk video pendek, tunjuk bahan maujud yang berkaitan dengan tajuk, menggunakan aktiviti yang luar biasa serta menggunakan pergerakan, isyarat dan kontak mata. Semua aktiviti ini boleh diaplikasikan mengikut kesesuaian dan keperluan situasi.

2. Mewujudkan motivasi

Dalam pengajaran bersepadu ini, guru menggunakan teknik bercerita dan mengaitkan dengan fakta-fakta saintifik yang membangkitkan perasaan ingin tahu murid. Di samping itu, guru mengajukan beberapa soalan yang mencabar dan menunjukkan aktiviti yang sesuai kepada

murid. Selain itu, guru hendaklah mewujudkan kemesraan di antara murid dengan memberi sokongan dan semangat kepada murid.

3. Membuat perkaitan

Guru menerangkan beberapa fakta yang berkaitan dan mengaitkan dengan elemen saintifik. Guru juga menyatakan cara-cara melaksanakan tugas serta melaksanakan had tugas yang akan dijalankan.

4. Menstruktur

Dalam proses menstruktur, guru boleh menstruktur dengan mengaitkan dengan pengetahuan lepas murid, mengaitkan dengan isi pelajaran yang baru, mengaitkan peristiwa semasa dengan serta mengaitkan dengan minat dan pengalaman murid. Dalam kajian ini, GPI mengaitkan isu-isu semasa dengan ayat-ayat yang terkandung dengan al-Quran.

b. Perkembangan pengajaran

Pada peringkat perkembangan pengajaran melibatkan aktiviti guru dan murid. Terdapat pelbagai kaedah berpusatkan guru dan murid dipraktikkan semasa peringkat perkembangan pengajaran ini. Guru memainkan peranan sebagai fasilitator semasa menggunakan kaedah berpusatkan murid. Semasa sesi perkembangan pengajaran guru perlu menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan tajuk yang diajar.

Guru perlu merancang elemen penyampaian pengajaran agar ianya bersesuaian dengan tahap kebolehan murid dengan mengambil kira penggunaan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran, masa, pemerinkatan isi serta pemilihan sumber dan ralat. Perkara lain yang harus dipertimbangkan juga dalam usaha untuk menyampaikan pengajaran adalah kesesuaian aktiviti dengan topik pengajaran, kualiti guru itu sendiri di mana gabungan ilmu pengetahuan, kepakaran dan pengalaman guru harus diambilkira serta mempunyai sistem penghantaran maklumat untuk penyampaian yang efektif seperti penggunaan teknologi. Dalam komponen ini, guru harus mengaitkan objektif pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira pengetahuan sedia ada pelajar (Atan Long 1980).

c. Penutup pengajaran

Semasa sesi penutup, guru atau murid membuat rumusan berkaitan dengan isi pelajaran. Soalan dikemukakan bertujuan untuk memberi penilaian kepada murid tentang sejauhmana mereka dapat memahami keseluruhan sesi pengajaran. Latihan atau kerja lanjutan diberikan supaya dapat meningkatkan dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran murid terhadap sesi P&P (Blanton et al. 2006; Heitzmann 2007). Aktiviti susulan merupakan pemberian kerja rumah, latihan dan lain-lain sebelum sesi pembelajaran ditamatkan. Manakala, dalam persediaan penilaian, pelbagai cara seperti kaedah pemerhatian, soal jawab, perbincangan, kerja bertulis dan kerja rumah dapat digunakan. Oleh itu, guru harus merancang kaedah yang akan digunakan bagi menilai tahap kebolehan dan keupayaan murid dalam penguasaan subjek serta keberkesanan kaedah dan aktiviti yang dilaksanakan oleh guru. Aktiviti membuat rumusan pula boleh dibuat oleh murid dan seterusnya guru memberi pandangan bagi menyimpulkan keseluruhan proses pengajaran yang telah dilaksanakannya pada hari tersebut dengan menyampaikan penerangan secara ringkas.

6.0 KESIMPULAN

Pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang membentuk murid berdikari, belajar membuat penemuan sendiri dan membina makna daripada pembelajaran dengan sendiri (Al-Kailany 1986 ; Esah Sulaiman 2004 ; Noor Shah 2002; Zarina 2004. Dalam konsep pengintegrasian ilmu ini guru dan murid bekerjasama mencari maklumat seperti fakta dan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan untuk memberi kefahaman yang lebih mantap. Inilah kelebihan murid yang menghafaz al-Quran yang mana mereka sentiasa peka dengan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang diajar. Pengajaran yang berkesan akan berlaku jika dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan. Hanya insan yang menyedari akan kehadiran Allah s.w.t barulah boleh mendidik hati dan diri dengan sebenarnya. Ia akan menghasilkan natijah yang positif seperti insan yang berakhlak kerana manusia telah menghayati akan kehadiran Allah s.w.t di dalam jiwa mereka serta melakukan amalan hanya untuk mendapat keredhaan-Nya jua (Mohd Zaidi Ismail 2012; Tunku Sarah 1997).

7.0 RUJUKAN

- Ahmad Mohd. Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Atan Long. 1980. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- al-Kailany, Taisir dan Iyad, Mulhim. 1986. *At-Taujih al-Fanny fi Usul at-Tarbiyah wat-Tadris*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Blanton, L.P., Sindelar, P.T., & Correa V. I. 2006. Models and measures of beginning teacher quality. *Journal of Special Education* 40(2): 115-127.
- Esah Sulaiman. 2004. *Asas Pedagogi*. Johor: Fakulti Pendidikan UTM.
- Heitzmann, R. 2007. Target Homework to Maximize Learning in the Education Digest. *Ann Arbor* 72(7): 40-43.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. 2000. *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohd Zaidi Ismail. 2012. Alam semesta sebagai ayat Allah: Panduan ilmiah untuk para saintis muslim. Dlm. Azrina Sobrina (pnyt). *Membina Kekuatan Sains di Malaysia*. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Noor Hisham Nawi. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak: UPSI.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Rohizani, Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Salih, Abd al-Aziz dan Abd al-Aziz, Abd al-Majid. 1999. *Al-Tarbiyyah wa al-Turuq al-Tadris*. Al-Qahirah: Dar al-Maarif.
- Salleh Ismail. 2010. *Mukjizat Al-Quran dan Fakta-fakta Sainifik*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Seidman, I. 1998. *Interviewing as Qualitative Research*. New York: Teachers College Press.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani & Mohd Zohir. 2003. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan*

- Tunku Sarah Tunku Mhd. Jiwa. 1997. Pembinaan model penerapan nilai di dalam pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yin, R. K. 1994. *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Zarina Abdul Malek. 2004. Teori, strategi dan perkaedahan dalam Pendidikan Komputer. <http://pendidikan.tv/guruinternet.html>. [20 Januari 2007].